

Pergantungan kepada kontrak kerajaan akan dikurangkan: PM

BERNAMA 17 APR 2002

Oleh Kadir Dikoh dan Salina Abdullah

PETALING JAYA, Selasa - Kerajaan berusaha mengurangkan pergantungan 100 peratus kontraktor Bumiputera kepada kontrak kerajaan, supaya mereka mampu bersaing di pasaran terbuka, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, kini boleh dikatakan 100 peratus kontraktor Bumiputera bergantung kepada kontrak kerajaan semata-mata dan mereka tidak boleh bersaing sepenuhnya tanpa keistimewaan itu.

"Malah, dengan kontrak kerajaan pun, ada antara mereka tak sanggup bersaing. Sebab itu mereka nak runding terus. Bagi projek, runding terus. Semua minta macam itu.

"Jadi antara Bumiputera dengan Bumiputera pun tidak ada persaingan. Dengan itu kualiti tak mening-

kat, kecekapan tak meningkat," katanya selepas merasmikan Konvensyen Usahawan Wanita 2002 anjuran Kementerian Pembangunan Usahawan di Sunway Lagoon Resort Hotel di sini, hari ini.

Beliau diminta mengulas ucapannya pada majlis itu yang antara lain menyatakan bahawa usahawan Bumiputera perlu mengubah sikap daripada bergantung 100 peratus kepada kerajaan untuk membeli apa saja barangan keluaran mereka kerana pasarnya terhad dan ia bukan cara perniagaan sebenar.

Katanya, usahawan Bumiputera termasuk wanita perlu menumpukan perhatian kepada pasaran terbuka kerana ia adalah pasaran sebenar yang dapat membantu mempertingkatkan kualiti dan memperkembangkan permintaan terhadap barangan mereka.

"Saya dapati usahawan Bumiputera perlu pada jaminan

kerajaan untuk membeli barangan keluaran mereka, dan ini bukan 100 peratus perniagaan. Walaupun perniagaan seperti itu tidak mempunyai risiko dan memerlukan pengurusan yang cekap dan baik, ia tidak dapat membantu memperkembangkan perniagaan itu.

"Usahawan perlu elak daripada bergantung sangat kepada kerajaan untuk membeli barangan keluaran mereka. Sebaliknya mereka perlu cuba memasarkan barangan pada orang awam, dalam dan di luar negara," katanya.

Ditanya sama ada kerajaan mahu mengkaji semula program 'satu kampung satu produk' yang turut disentuhnya dalam ucapan itu, Dr Mahathir berkata kerajaan merancang mengadakan satu program yang lebih teratur.

Ini kerana individu di kampung tidak mampu untuk memikirkan sesuatu atau bekerja mengikut disiplin kerja

yangsebenar.

"Sebab itu kita berpendapat bahawa adalah lebih baik kita adakan kilang-kilang kecil yang diuruskan oleh orang berkebolehan dan penduduk kampung dapat bekerja di situ.

"Mungkin juga mereka boleh mengambil (membeli) saham dalam kilang itu dan mereka bekerja mengikut disiplin tempat kerja iaitu kalau perniagaan mereka memerlukan mereka bekerja lapan jam, mereka bekerja lapan jam. Tak ada disiplin, kita tak boleh berjaya," katanya.

Dr Mahathir berkata, prog-

ram itu sudah menampakkan kemajuan tetapi pengusahanya perlu memikirkan dengan lebih meluas apakah produk yang mereka mahu keluarkan.

Mengenai budaya dan etika bagi menentukan kejayaan seseorang usahawan, beliau berkata nilai itu amat penting sekali kerana perniagaan bergantung kepada etika dan budaya.

"Kecekapan memang penting, tapi kecekapan tanpa budaya yang baik akan menjadi seseorang itu sebagai penjenayah dan akan menyalahgunakan kedudukannya," katanya.

Dalam ucapannya, Dr Mahathir turut menyentuh mengenai kurangnya barangan cenderamata hasil keluaran tempatan untuk dijual di pusat pelancongan kerana kekurangan kemampuan pengeluaran tempatan untuk menghasilkan barangan berkenaan secara besar-besaran.

"Saya amat sedih di mana tempat pelancongan seperti di Pulau Langkawi, barangan cenderamata yang dijual kebanyakannya dibuat di Thailand, Taiwan, China dan Filipina. Nak cari barangan buatan Malaysia, tiada langsung," katanya.